



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	24/12/2019	MUKA SURAT	:	31
JABATAN	:	JPSM / PAIP			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

### Tindakan berlandaskan 'rule of law'

KUANTAN - Tindakan penguatkuasaan terhadap aktiviti penerokaan haram di kawasan tadahan air Sungai Ichat, Kuala Terla di Cameron Highlands mematuhi undang-undang dan berlandaskan *rule of law*.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Dr Sallehuddin Ishak berkata, tindakan itu juga diambil bagi memastikan kelestarian alam sekitar dan kepentingan rakyat terus dipelihara sebagaimana titah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada 7 September lalu.

"Sidang Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang dipengerusikan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 14 Oktober lalu memutuskan pasukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Pasukan Gerak Am (PGA) ditempatkan di Cameron Highlands.

"Langkah itu bagi membantu mengekang aktiviti pencerobohan serta menunjukkan keberadaan anggota keselamatan," katanya dalam satu kenyataan di sini



SALLEHUDDIN

### PENEROKAAN HARAM DI CAMERON HIGHLANDS

semalam.

Katanya, Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang pada 13 Mac lalu meluluskan pewartaan kawasan terbabit seluas 121.12 hektar sebagai Hutan Simpan Sungai Ichat.

"Aktiviti kawalan termasuk penjagaan dan penanaman pokok hutan bagi fasa satu telah dilaksanakan oleh Pejabat Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) sebaik sahaja tindakan penguatkuasaan selesai," katanya.

Sallehuddin berkata, Loji Air Kuala Terla penting kerana ia sumber air kepada lebih 70 peratus keperluan air bersih di Cameron Highlands yang melibatkan 8,332

akaun pengguna.

"Loji ini mempunyai *design flow capacity* air mentah sebanyak 855m<sup>3</sup>/jam tetapi buat masa ini, Sungai Terla hanya mampu menyediakan 580m<sup>3</sup>/jam dan kadangkala berkurangan.

"Aliran air mentah kini sudah tidak mampu menampung keperluan semasa dan pembangunan akan datang di Cameron Highlands justeru, untuk meningkatkan lagi jumlah aliran air mentah dari Sungai Ichat amat diperlukan," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan pemantauan oleh Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP), kualiti air di Sungai Ichat telah mula pulih selepas tindakan penguatkuasaan diambil dan kerja-kerja pembersihan dilakukan.

"Berdasarkan perancangan semasa, pihak PAIP bercadang untuk melakukan pengalihan Sungai Ichat untuk dicantumkan dengan Sungai Terla bermula suku tahun kedua tahun 2020 sebagai mana rekabentuk asal pembinaan loji air Kuala Terla," katanya.